

UiTM tambah kampus kota seluruh negara

^{BH - 09/07/2007}
KOTA BHARU: Universiti Teknologi Mara (UiTM) merancang membuka lebih banyak kampus kota di seluruh negara bagi memenuhi sasaran pelajarannya mencapai 200,000 menjelang 2010.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata ketika ini, dua Kampus Kota UiTM sudah dibuka iaitu masing-masing di Melaka dan terbaru, di Kota Bharu, semalam.

Katanya, kerajaan menyediakan lebih RM3.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi pembinaan kemudahan baru UiTM seperti kampus kota dan kampus kedua UiTM di Johor, Perak dan Terengganu.

"Sebagai universiti yang popular dan menjadi tumpuan pelajar, penubuhan kampus kota ini dilihat sebagai platform terbaik membantu UiTM menangani peningkatan kemasukan pelajar.

"Sebahagian pelajar dan program pengajian kampus utama seperti di Shah Alam, dapat diserapkan ke kampus kota, sekali gus mengatasi kesesakan pelajar," katanya selepas mendengar taklimat penubuhan Kampus Kota UiTM Kota Bharu, di sini, semalam.

Kampus Kota UiTM Kota Bharu terletak di tengah bandar Kota Bharu, akan menampung 618 pelajar mulai pengajian bulan ini membabitkan program pengajian sepenuh masa dan pengajian luar kampus.